



## KENYATAAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

---

### **PENAWARAN NOMBOR PENDAFTARAN ISTIMEWA (NPI) SIRI GOLD SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN KE-50**

Bersempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan ke-50, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia akan menawarkan **Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI)** secara bidaan dalam talian **melalui Sistem JPJeBid** kepada orang awam.

**NPI** yang dimaksudkan ialah tanda indeks yang mempunyai **prefix (hadapan)** iaitu **siri GOLD** yang melambangkan sambutan jubli emas Hari Wilayah Persekutuan ke-50.

Selain itu juga, **penawaran NPI siri GOLD** ini adalah merupakan usaha MOT untuk merealisasikan hasrat Kerajaan dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Kementerian seperti bantuan lesen memandu, bantuan topi keledar dan subsidi FlySISWA.

**NPI siri GOLD** ini akan mula dibuka untuk bidaan kepada orang awam pada:

**Tarikh buka : 1 Februari 2024 (Khamis) jam 12.00 pagi**

**Tarikh tutup : 5 Februari 2024 (Isnin) sehingga jam 10.00 malam**

**Tarikh keputusan : 6 Februari 2024 (Selasa) dalam tempoh 24 jam**

Kaedah penawaran secara bidaan ini adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat sedia ada yang telah ditetapkan melalui Sistem JPJeBid.

Harga bidaan dalam JPJeBid adalah mengikut harga minima yang telah ditetapkan seperti ketetapan berikut:

Kategori	Harga Minima
Nombor Bernilai Utama <i>(Golden)</i>	RM 20,000.00
Nombor Menarik <i>(Attractive)</i>	RM 3,000.00
Nombor Popular <i>(Popular)</i>	RM 800.00
Nombor Biasa <i>(Running)</i>	RM 300.00

Mana-mana nombor pendaftaran yang berjaya dibida mestilah didaftarkan pada sebuah kenderaan dalam tempoh **dua belas (12) bulan** dari tarikh surat keputusan bidaan rasmi dikeluarkan.

Orang awam dialu-alukan untuk menyokong hasrat Kerajaan seperti mana inisiatif yang telah dimaklumkan dengan menyertai bidaan NPI melalui Sistem JPJeBid.

Penawaran melalui Sistem JPJeBid ini juga merupakan usaha MOT dan JPJ dalam merealisasikan penyampaian perkhidmatan pendigitalan sepenuhnya.

Dapatkan pilihan nombor pendaftaran kenderaan siri GOLD sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang Ke-50.

**LOKE SIEW FOOK**  
**MENTERI PENGANGKUTAN**  
**30 JANUARI 2024**